



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC) KEPADA PENERBIT FILEM TEMPATAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Kerajaan prihatin dan ambil berat terhadap nasib, keperluan dan keluhan penggiat-penggiat industri kreatif dan seni yang terjejas akibat wabak COVID-19. Kami di Kementerian Komunikasi & Multimedia (KKMM) sentiasa berusaha dan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka semasa dalam waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada 26 Mac 2020, saya telah mengadakan pertemuan sidang video dengan wakil-wakil persatuan-persatuan penggiat seni. Di samping itu, saya juga telah menerima cadangan-cadangan daripada warga penggiat seni, termasuk penggiat filem.

Dalam hal ini, pengurusan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) telah mengangkat satu cadangan khusus iaitu tentang Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC), sebuah insentif bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penerbit filem terus menghasilkan filem tempatan.

Setelah berbincang dengan pengurusan tertinggi KKMM, maka, dengan ini saya mengumumkan bahawa dana sebanyak RM1,325,560.11 telah diluluskan kepada sebilangan syarikat yang layak. Pengurusan FINAS akan menghubungi syarikat-syarikat berkenaan dalam masa yang terdekat.

Adalah diharapkan insentif ini dapat membantu mereka terus menerbitkan dan memasarkan hasil karya filem untuk pasaran tempatan dan global. Di samping itu, saya sedang mengadakan siri perbincangan dengan pelbagai pemegang taruh dan meneliti beberapa laporan penting dalam usaha bersepadu untuk memperkasa industri kreatif negara.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**

MENTERI KOMUNIKASI & MULTIMEDIA

16 APRIL 2020